

**ETOS MELAYU:
PERSPEKTIF ADAT PERPATIH**

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

**PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

1999



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU


Oleh

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 1998/99


Penyelia

27. 4. '99
Tarikh


Pemeriksa Kedua

20. 4. 1999.
Tarikh


Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

30 April '99.
Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober, 1998

ABDUL RAZAK BIN HJ LIDUN

A 6864

PENGHARGAAN

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha berkuasa dan layak menerima puji-pujian. Oleh itu saya bersyukur kerana limpah-Nya segala kekuatan fizikal dan mental dapat saya melengkapkan projek ini walaupun berhadapan dengan rintangan ketika kerja-kerja menyiapkannya.

Kepada Ketua Jabatan Persuratan Melayu, Profesor Madya Dr. Noriah Mohamed saya amat berterima kasih kerana sering memberi semangat dan dorongan kepada saya. Kepada pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Sidek Fadzil, saya banyak terhutang budi kerana kesabarannya dalam membimbing dan menasihati saya semasa kerja-kerja menyiapkan projek ini. Kepada Profesor Madya Dr. Amran Kasimin, Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napiah, Profesor Madya Dr. Shafie Abu Bakar, Dr. Hanafi Dolah , hatta kepada semua pensyarah Jabatan Persuratan Melayu saya amat terhutang budi . Kemesraan staf sokongan Jabatan Persuratan Melayu juga amat bernilai kerana menjadi sumber inspirasi yang kekal dalam kenangan saya buat selama-lamanya.

Akhirnya, kepada semua pihak yang turut serta memberi bantuan dan dorongan, saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan kepada Allah saya mengadu untuk ganjaran yang mutlak dan abadi.

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN
BT. 19 JALAN SEREMBAN
JELEBU.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat etos bangsa Melayu daripada perspektif Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar orang Melayu di Negeri Sembilan. Etos sesuatu bangsa itu sebenarnya berakar umbi sejak turun-temurun. Sehubungan itu, kajian ini akan memeriksa kata-kata adat yang menjadi rukun hidup masyarakat Adat Perpatih untuk dianalisis. Kajian ini bermatlamat untuk mengetahui sama ada Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan itu merupakan peraturan yang bersifat lengkap. Kajian ini juga ingin melihat Adat Perpatih yang menjadi pegangan orang Melayu Negeri Sembilan itu adakah dapat dianggap sebagai boleh diterimapakai dan dapat bertahan hingga hari ini. Akhirnya kajian ini ingin memeriksa adakah Adat Perpatih itu berlandas hukum Islam. Pada akhir kajian ini, didapati bahawa orang-orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelevu sebenarnya telah mempunyai sistem hidup yang begitu teratur dan lengkap yang menjadi asas kepada etos bangsa itu. Keputusan kajian menunjukkan pertama, Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di daerah Jelevu adalah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Kedua, Adat Perpatih mampu bertahan hingga ke hari ini, khasnya di daerah Jelevu kerana ia masih diamalkan dalam kehidupan seharian. Ketiga, Adat Perpatih yang menjadi pegangan sebahagian besar orang Melayu di daerah Jelevu tidak bercanggah dengan tuntutan agama Islam.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
 PENDAHULUAN	
0.1 Latar Belakang	vii
0.2 Penyataan Masalah dan Objektif Kajian	x
0.3 Kepentingan Kajian	xvi
0.4 Definisi Istilah	xvii
0.5 Batasan Kajian	xx
0.6 Metodologi Penyelidikan dan Teori	xxi
0.7 Kajian Lepas	xxvi
 BAB I: ETOS DAN KEBUDAYAAN MELAYU	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Karya Sastra Tradisional Sebagai Sumber Etos Melayu	9
1.3 Kebudayaan Melayu dalam Konteks Zaman Kini	23
1.4 Kesimpulan	27
 BAB II: ETIKA SOSIAL	
2.1 Pengenalan	29
2.2 Etika Sosial Adat Perpatih	33
2.3 Etika Pergaulan	38
2.4 Etika Berjiran	45
2.5 Etika Menuntut Ilmu	54
2.6 Etika Penghakiman	58
2.7 Kesimpulan	63

BAB III: ETIKA EKONOMI

3.1	Pengenalan	66
3.2	Etika Ekonomi Adat Perpatih	68
4.2.1	Nilai Maruah dalam Ekonomi	74
4.2.2	Nilai Kegigihan Mencari Harta	75
4.2.3	Nilai Muafakat	78
3.3	Ekonomi daripada Pandangan Islam	80
3.4	Kesimpulan	83

BAB IV: ETIKA POLITIK

4.1	Pengenalan	86
4.2	Etika Politik Adat Perpatih	89
4.2.1	Nilai Demokrasi	95
4.2.2	Nilai Mufakat	97
4.2.3	Nilai-Nilai Islam	98
4.3	Nilai Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih	100
4.4	Kesimpulan	104

PENUTUP	106
----------------	-----

BIBLIOGRAFI	119
--------------------	-----

LAMPIRAN 1	126
LAMPIRAN 2	127
LAMPIRAN 3	129

BAB III

ETIKA EKONOMI

3.1 Pengenalan

Menurut kaca mata barat mereka menyatakan bahawa kemunduran ekonomi negara Islam adalah disebabkan oleh penghinaan Islam terhadap kehidupan sekular yang termasuk dalamnya soal-soal negara.¹²⁰ Selanjutnya Bernard Lewis melihat nilai-nilai Islam, contohnya kesetiaan tanggungjawab kepada keluarga dalam istilah moden dikenali sebagai kejahatan nepotisme dan kesetiaan terhadap kebaikan agama, iaitu dinamai kejahatan fanatisme. Selanjutnya, beliau menyatakan:

Sebahagian daripada nilai agama yang ideal dan mulia telah dikutuk kerana ia merupakan penghalang pembangunan. Sebagai contoh, zuhud yang cenderung untuk mengurang dan membataskan keperluan manusia sebagai ganti kepada kepuasan diri yang dengan itu tidak menggalakkan manusia berusaha; kebaikan sikap tidak mementingkan diri sendiri telah membawa kepada sifat

¹²⁰ Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 138.

malas. Begitu juga dengan kepentingan kebajikan daripada perbuatan memberi derma, iaitu sebagai sedekah yang merupakan kebajikan dalam Islam telah dikritik, kerana menerima dan menghargai kewujudan peminta sedekah dalam masyarakat. Dengan itu ia akan menolak dan tidak menggalakkan kegigihan untuk berusaha hingga untuk menyatakan bahawa agama Islam memang menggalakkan pembangunan ekonomi, sangat susah untuk dipertahankan.¹²¹

Walau apapun pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat tentang Islam dalam hal pengurusan ekonomi, tetapi dalam masa yang sama barat sendiri gagal dalam menangani masalah ekonomi. Kalau dilihat beberapa sistem yang digunakan oleh barat dalam menyelesaikan persoalan ekonomi, tetapi ternyata gagal dengan kekurangan-kekurangan sistem tersebut. Dalam sejarah perkembangan ekonomi di Eropah, sistem yang terawal yang dipraktikkan ialah *sistem feudalisme* yang bermula di Rom sejak abad ke-8 S.M. dan merebak seluruh Eropah tidak lama kemudian.¹²² Selepas itu berkembang pula *sistem kapitalisme, sosialisme dan komunisme*. Bagaimanapun ternyata kesemua sistem yang dianggap terbaik oleh barat tidak mampu menyelesaikan persoalan ekonomi masyarakat dunia.

¹²¹ Ibid, hlm. 139.

¹²² Mustafa Haji Daud, hlm. 104.

Sebagai kesimpulannya, *feudalisme*, *kapitalisme*, *sosialisme* dan *komunisme* semuanya gagal untuk mengatasi krisis ekonomi yang dari semasa ke semasa kian meruncing dan parah. Segala-galanya berpunca daripada kegagalan sistem-sistem itu untuk menyempurnakan fitrah semua jadi manusia dan masyarakat. *Feudalisme* merampas hak individu dan hak masyarakat. *Kapitalisme* merampas hak masyarakat; *sosialisme* dan *komunisme* pula merampas hak individu.¹²³

3.2 Etika Ekonomi Adat Perpatih

Kalau dilihat perkembangan sejarah manusia semenjak dahulu lagi telah mempunyai sistem ekonomi. Tetapi konsep ekonomi bagi masyarakat dahulu adalah berasaskan kepada “saraan hidup” sedangkan ekonomi pada masyarakat moden hari ini lebih kompleks kerana perubahan masyarakat telah bertambah maju. Oleh itu konsep sistem ekonomi pada umumnya bagi masyarakat pada hari ini difahami sebagai:

The economic system is the social system that provides
for the production, distribution, and consumption of
goods and services.¹²⁴

Sehubungan itu, sistem ekonomi itu sendiri boleh ditafsirkan dalam pelbagai sudut. Bagi ahli ekonomi sistem ekonomi itu adalah berkaitan dengan permintaan dan penawaran, berapa banyak pengeluaran industri, berapa ramai pelanggan yang membeli

¹²³ Ibid, hlm. 106-107.

¹²⁴ J. R. Eshleman & B. G. Cashion, hlm. 445.

sesuatu barangan, berapa banyak kerajaan mengenakan cukai, pinjaman dan sebagainya.¹²⁵ Sebaliknya bagi ahli sosiologi pula melihat system ekonomi itu sebagai:

Study how the economic system interacts with other social institutions. They study types of economic systems, the size and power of corporations, the occupations in economic systems, how work affects the rest of our lives, and similar issues.¹²⁶

Asas ekonomi masyarakat Adat Perpatih ialah tanah. Dari konsep asasi milik tanah inilah terbitnya segala nilai dan susunan masyarakat dan negeri.¹²⁷ Hal ini amat bersesuaian pada zamannya kerana tanah merupakan harta utama yang menjadi sumber ekonomi masyarakat bercorak tradisi. Bertitik tolak daripada sumber tanah ini muncul kegiatan-kegiatan ekonomi seperti pertanian dan ternakan.

Kegiatan-kegiatan masyarakat Melayu dahulu dapat dipancarkan melalui kata-kata adat yang dilahirkan oleh masyarakat Adat Perpatih tersebut. Dalam hubungan ini, dikatakan bahawa masyarakat Melayu tradisi itu menjalankan kegiatan ekonominya berasaskan kepada pertanian dan penternakan. Ini dapat diterjemahkan melalui kata-kata berikut:

¹²⁵ Ibid, hlm. 445.

¹²⁶ Ibid.

¹²⁷ Zainal Kling, "Prinsip Adat Dan Pembangunan Masyarakat", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

kerbau tak berkandang, seladang

Padi tak berpagar, lalang

Yang memiliki kerbau harus dikandang

Yang memiliki sawah padi harus dipagar¹²⁸

Dalam ekonomi Adat Perpatih konsep yang agak menonjol ialah “tanah pusaka”. Dalam hal ini Nordin Selat menyatakan perwarisan tanah pusaka merupakan peraturan-peraturan yang fundamental yang menjadi salah satu asas adat tersebut.¹²⁹ Konsep tanah pusaka ini membawa maksud tanah yang dimiliki oleh nenek moyang sejak zaman berzaman. Tanah ini akan diwarisi oleh generasi yang terkemudian. Bagi menjamin tanah tersebut tidak berpindah milik kepada keluarga di luar lingkungan waris, maka tanah tersebut akan diturunmilikkan kepada waris perempuan. Peraturan tersebut adalah untuk memastikan tanah pusaka tidak bertukar tangan kepada orang di luar waris.

Dengan kata lain, tanah-tanah pusaka adalah kepunyaan waris. Bagi anak-anak buah yang duduk di tanah tersebut segala hasil mahsulnya adalah menjadi milik dan kepunyaan mereka sendiri. Tanah-tanah ini tidak boleh dijual beli atau dipajak digadai, melainkan setelah dipersetujui oleh Dato’ Lembaga sendiri.¹³⁰

¹²⁸ Abd. Samad Idris, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

¹²⁹ Nordin Selat, hlm. 4.

¹³⁰ Abd Samad Idris, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

Harta pusaka dalam Adat Perpatih akan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Oleh itu, setiap waris akan menerima agihan harta pusaka tersebut. Tujuan asal harta pusaka ini ialah untuk dijadikan asas ekonomi secukup hidup apabila seseorang perempuan dalam waris itu berumah tangga. Dengan perkataan lain, harta pusaka itu akan dijadikan sebagai tapak untuk memulakan kehidupan baru apabila mereka telah membentuk institusi keluarga sendiri bersama suami dan anak-anak.

Dalam hubungan ini, kata-kata adat menyebutkan:

Tanah seluas kangkang kera

Rumah tiang empat batang

Sawah selopak dua¹³¹

Kata-kata adat di atas mengandungi falsafah iaitu setiap wanita dalam keluarga yang mengamalkan sistem Adat Perpatih akan mendapat bahagian dalam pengagihan harta pusaka walaupun jumlahnya tidak banyak. Harta pusaka tersebut seperti yang dinyatakan di atas telah mengalami proses pembahagian di kalangan waris sejak beberapa keturunan yang lampau dan pada akhirnya bahagian yang diperolehi semakin kecil. Apa yang lebih penting, bahagian setiap waris dipastikan ada walaupun tanah yang diperuntukkan itu sekangkang kera, sebuah pondok kecil dan tanah sawah yang beberapa lopak sahaja. Oleh itu, prinsip yang digunapakai dalam pengagihan harta pusaka ini adalah seperti berikut:

¹³¹ Mohd Hafilah Piei, *Profail dan Sosio Ekonomi Masyarakat Melayu Rembau, Satu Perbincangan dari segi Adat Perpatih*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

Jika mendapat sama laba
 Kehilangan sama berugi
 Yang ada dimakan bersama
 Hati gagah sama dilapah
 Hati kuman sama dicecah
 Banyak diberi berumpuk
 Sedikit beri bercecah
 Besar kayu besar bahannya¹³²

Tegasnya, dalam pembahagian harta kepada anggota waris, nilai yang terjelma ialah samarata atas dasar sedikit sama sedikit. Walaupun begitu, pusaka yang sedikit itu dapat menjadi asas untuk memulakan kegiatan ekonomi seperti pertanian dan penternakan dan rumah sebagai tempat berteduh bagi keluarga. Dengan kata lain, pusaka yang diwarisi dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah keluarga. Apa yang lebih penting dalam falsafah harta pusaka dalam Adat Perpatih itu ialah tersembunyi satu agenda yang tersendiri, iaitu merupakan satu jaminan kepada wanita-wanita jika berlaku perceraian sama ada kerana meninggal dunia atau perceraian hidup. Mereka tidak akan hidup dengan meminta-minta dan menumpang tinggal di tanah orang lain. Di sini jelas bahawa Adat Perpatih itu indah dan mempunyai visi dan misi yang tersendiri. Segala kemungkinan dalam mengharungi kehidupan ini bagi mereka ada di mana-mana dan pada bila-bila masa. Walaupun kemungkinan-kemungkinan yang ada pada fikiran mereka itu bukan merupakan satu harapan tetapi

¹³² Nordin Selat, hlm. 13.

masyarakat Adat Perpatih amat yakin kepada kata-kata jodoh pertemuan, ajal-maut, dan rezki di tangan Allah. Oleh itu, sebagai manusia mereka boleh merancang tetapi Allah yang menentukannya.

Dalam hubungan ini, Azizah Kassim dalam kajiannya, beliau menyatakan:

Dari segi idealnya selepas diceraikan suami, isteri itu kekal memiliki semua sekali harta-harta dapatan tersebut dan harta-harta carian pula dibahagi dua antara mereka.¹³³

Kesimpulannya, pada amalan masyarakat Adat Perpatih ekonomi mereka banyak tertumpu kepada penggunaan tanah. Oleh itu bagi masyarakat tersebut tanah merupakan harta yang tidak ternilai harganya. Lantaran itu, maka tanah pusaka tidak boleh dipindahmilik kepada orang yang di luar waris. Berpegang pada prinsip tanah merupakan benda yang sangat bernilai dalam masyarakat orang Melayu Adat Perpatih, maka tanah itu dijaga begitu teliti. Tegasnya, tanah merupakan tempat kegiatan ekonomi masyarakat bermula. Tanah boleh digunakan sebagai kawasan pertanian, penternakan dan tempat mereka mendirikan rumah sebagai tempat berteduh daripada hujan dan panas. Tegasnya kemajuan atau kemunduran sesebuah keluarga itu bergantung kepada keluasan tanah yang dimiliki.

¹³³ Azizah Kassim, hlm. 162.

3.2.1 Nilai Maruah dalam Ekonomi

Jika dikaji dengan teliti kata-kata adat yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan, amat jelas mereka bertungkus lumus untuk mencari kekayaan dan harta. Bagi mereka, kekayaan yang tergambar daripada pemilikan harta yang banyak dapat mengangkat martabat sesuatu keluarga tersebut. Bagi mencapai matlamat itu, masyarakat Adat Perpatih sangat menggalakkan anak-anak muda mereka merantau untuk mengumpulkan harta seberapa banyak yang boleh. Hal ini digambarkan melalui pantun berikut:

Keratau madang di hulu
 Babuah babungo balun
 Merantau bujang dahulu
 Di rumah baguno balun ¹³⁴

Dengan kata lain, masyarakat Adat Perpatih sememangnya mendorongkan anak-anak muda untuk keluar merantau ke tempat orang untuk mencari harta kekayaan. Dalam konteks ini kemungkinan yang dimaksudkan dengan harta itu termasuk juga ilmu pengetahuan dan pengalaman. Oleh itu, kebanyakan anak-anak muda akan merantau ke negeri orang untuk mencari kekayaan. Sebagai pemangkin kepada

¹³⁴ Temubual dengan Dato' Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

keinginan untuk mencari harta itu, masyarakat Adat Perpatih meninggalkan kata-kata hikmat ini:

Emas pendinding malu
 Kain pendinding ruangan
 Hilang rupa dek penyakit
 Hilang bangsa dek tak beremas¹³⁵

Berdasarkan kata-kata di atas, jelas menunjukkan bahawa harta memainkan peranan yang sangat penting dalam keluarga Adat Perpatih. Kekayaan yang dimiliki dapat menjadi benteng atau mengawal marwah keluarga. Keluarga yang banyak harta pasti dapat mengangkat marwah mereka dan sekaligus menyelamatkan bangsa mereka dari pandangan yang hina di mata bangsa asing atau masyarakat lain. Oleh itu, kekayaan amat dituntut oleh masyarakat Adat Perpatih.

3.2.2 Nilai Kegigihan Mencari Harta

Seperti yang telah dinyatakan masyarakat Adat Perpatih memandang kekayaan itu dapat mengangkat martabat sesebuah keluarga itu. Oleh itu, mereka akan sedaya upaya berusaha untuk mencari kekayaan. Ini dapat dinyatakan melalui kata-kata yang menjadi prinsip masyarakat tersebut:

Kayu hutan bukan andalas
 Elok dibuat almari

¹³⁵ Ibid.

Tahan hujan berani berpanas

Begitu orang mencari rezki¹³⁶

Masyarakat Adat Perpatih sememangnya terkenal dengan kegigihan mereka dalam mencari rezeki. Bagi masyarakat Adat Perpatih tidak ada seorang pun dalam anggota masyarakat itu yang terkecuali dalam usaha melakukan pekerjaan. Dengan kata lain, masyarakat Adat Perpatih tidak mengizinkan mana-mana anggota masyarakatnya yang menjadi penumpang melainkan mereka seharusnya seiring sejalan, selenggang sehayun memainkan peranan mencari kekayaan. Oleh itu, lahir kata-kata adat berikut:

Kok ke bukit sama didaki,

Kok ke lurah sama dituruni,

Kok berat sama dipikul,

Kok ringan sama dijenjeng¹³⁷

Berdasarkan kata-kata di atas, nyata bahawa masyarakat Adat Perpatih sangat gigih dalam mencari harta kekayaan. Mereka sanggup bersusah payah bagi mengumpulkan harta kekayaan mereka semata-mata untuk memperkokohkan ekonomi keluarga. Dalam pada mereka berlumba-lumba untuk mencari kekayaan itu, mereka tidak pula tamak haloba kerana pada mereka sifat itu tidak wajar bertapak dalam jiwa mereka. Mereka sentiasa mengamalkan dasar kerjasama, seperti kata-kata berikut:

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Ibid.

Jika mendapat sama laba,
 Kehilangan sama rugi,
 Yang ada dimakan bersama,
 Hati gajah sama dilapah,
 Hati kuma sama dicecah.¹³⁸

Oleh itu, nilai kegigihan atau kerja kuat dalam masyarakat Adat Perpatih amat jelas ditonjolkan oleh mereka. Seperti yang telah dinyatakan, masyarakat Minangkabau ini sentiasa memandangi tinggi kepada anak-anak muda mereka yang keluar merantau ke negeri orang kerana mencari rezeki. Tegasnya, semangat ini sentiasa bersemarak dalam hati sanubari mereka dan telah menjadi kewajipan mereka untuk berusaha gigih demi kesejahteraan keluarga mereka.

Semangat gigih dan kerja kuat dalam masyarakat Adat Perpatih ini sememangnya telah diwarisi turun-temurun berdasarkan prinsip masyarakat Minangkabau yang mendorongkan anak-anak muda mereka merantau pada usia muda untuk mencari kekayaan. Bagi mereka kekayaan itu tidak akan diperolehi secara mudah tanpa usaha dan kegigihan. Oleh kerana itu mereka sentiasa menanamkan semangat kerja kuat di kalangan anggota masyarakat mereka terutamanya remaja. Sebagai petunjuk yang nyata dalam hal ini, kata-kata adat berikut membuktikan bahawa kegigihan dan kerja kuat masyarakat Adat Perpatih:

¹³⁸ Ibid.

Pipih tak datang melayang
 Bulat tak datang menggolek
 Bulan tak jatuh ke riba¹³⁹

Di sini jelas memperlihatkan masyarakat Adat Perpatih tidak suka anggotanya berpeluk tubuh. Bagi mereka rezeki tidak akan datang dengan sendiri tanpa usaha yang gigih. Kegigihan dan usaha yang bersungguh sahaja yang menjamin sesuatu kemahuan atau keperluan itu dapat diraih. Dengan kata lain, Adat Perpatih menuntut anggota masyarakatnya agar berusaha kuat untuk mencari kesenangan. Dalam sudut yang lain pula, masyarakat Adat Perpatih ini menyarankan untuk mendapat rezeki harus bersumberkan daripada punca yang halal dari titik peluh sendiri. Hal ini selaras dengan tuntutan agama Islam yang suci menuntut agar umatnya mencari rezeki dengan cara yang halal.

3.2.3 Nilai Muafakat

Dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, aktiviti ekonomi mereka banyak berdasar kepada pertanian. Perkara ini berlaku kerana bersesuaian dengan situasi masa dan keadaan masyarakat pada masa itu. Bagaimanapun, bersesuaian dengan keadaan pada ketika itu di mana tahap teknologinya masih pada tahap tradisional, maka segala kegiatan ekonomi masyarakat banyak bergantung kepada teknik tradisional. Dalam keadaan itu, masyarakat Melayu tradisional masih dapat mengatasi masalah-masalah

¹³⁹ Ibid.

dalam aktiviti pertanian mereka. Di sini etika kerja yang dipraktikkan adalah berdasarkan dua kod etika dasar, iaitu muafakat dan berkerjasama:

Bulat air kerana pembentuk
 Bulat manusia kerana muafakat
 Penghulu beraja ke muafakat
 Muafakat beraja kepada yang benar
 Ibu hukum muafakat
 Ibu adat muafakat¹⁴⁰

Berdasarkan kata-kata adat di atas, terbukti masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan berpegang teguh kepada konsep perpaduan dan kebulatan dalam menangani sesuatu pekerjaan. Bagi masyarakat ini, manusia dapat disatukan melalui konsep muafakat kerana muafakat itu diumpamakan sebagai raja yang boleh membuat keputusan muktamat. Perkara ini terjadi kerana bagi masyarakat Adat Perpatih melihat muafakat itu berlandaskan kepada kebenaran. Oleh kerana itu, sesuatu peraturan atau hukum dan adat itu sendiri terbina diatas landasan pemuafakatan anggota masyarakat. Dengan kata lain tidak akan wujud hukum dan adat tanpa perbincangan dan kebulatan muafakat dalam masyarakat Adat Perpatih. Oleh itu nilai muafakat dalam masyarakat Adat Perpatih dipandang sebagai sesuatu yang penting dan dipraktikkan dari masa ke semasa.

¹⁴⁰ Norhalim Hj Ibrahim, hlm. 127.

3.3 Ekonomi daripada Pandangan Islam

Dalam Islam masalah ekonomi banyak dibincangkan, sama ada melalui al-Quran mahupun al-Hadis. Bagaimanapun, konsep ekonomi Islam tentang harta kekayaan dalam erti kata yang sebenarnya merupakan hak milik Allah S.W.T. Hal ini bertitik tolak dari kenyataan bahawa alam ini dan segala yang ada di dalamnya adalah dijadikan oleh Allah S.W.T. Justeru itu, Dia adalah pemilik mutlak alam ini tanpa boleh dipertikaikan.¹⁴¹

Sememangnya, dalam al-Quran dijelaskan bahawa tiada larangan atau tegahan kepada manusia untuk mencari kekayaan di dunia ini. Perkara ini menunjukkan bahawa kegiatan untuk mengumpulkan harta kekayaan adalah dibenarkan dalam Islam. Ini dapat dijelaskan melalui sepotong ayat al-Quran yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjualbeli (pada hari itu), yang demikian adalah lebih baik jika kamu mengetahui. Kemudian bertaburanlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan

¹⁴¹ Mustafa Haji Daud, hlm. 114.

carilah apa yang kamu hajati daripada limpak kurnia Allah, serta ingatkanlah Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan) , supaya kamu berja (di dunia dan di akhirat). Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau mendengar) sesuatu hiburan, maka mereka bersurai (iaitu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar berkhotbah). Katakanlah (wahai Muhammad): Padahal yang ada di sisi Allah lebih baik dari hiburan dan barang dagangan itu, dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki.¹⁴²

Melalui ayat di atas, salah satu daripada pengajaran yang dikutip ialah dalam Islam nilai yang diterapkan kepada umatnya ialah berusaha mencari rezeki yang halal dengan syarat tidak meninggalkan ibadat solat. Dengan kata lain, Islam amat menggalakkan umatnya berusaha kuat untuk mendapatkan rezeki yang halal. Tegasnya, tiada tegahan kepada orang-orang Islam mendapatkan harta di dunia ini.

Dalam hubungan ini juga, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Dialah yang menjadikan malam bagi kamu supaya kamu beristerihat padanya dan (menjadikan) siang terang-benderang (supaya kamu mencari rezeki kurniaan

¹⁴² Al- Jumu'ah, 9: 11.

Allah). Sesungguhnya pada yang demikian itu, terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang yang mendengar.¹⁴³

Dalam hubungan ini juga, Allah mengingatkan manusia agar berusaha mendapatkan rezeki. Usaha yang kuat dan ketekunan sahaja yang dapat menjanjikan perubahan dalam diri individu dan sesebuah masyarakat itu. Perkara ini dipaparkan dalam firman Allah yang bermaksud:

Maka apabila kamu selesai mengerjakan sembahyang ,
kamu bertaburanlah di atas muka bumi dan carilah kurnia
Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu
beruntung.¹⁴⁴

Sehubungan itu juga, Nabi Muhammad S.A.W melalui sabda baginda mengingatkan manusia agar jangan hidup secara meminta-minta pada orang lain. Hal ini dicatatkan dalam hadis yang bermaksud:

Sekiranya seseorang kamu mencari kayu api lalu diikat
dengan tali dan dipikul di atas belakangnya, kemudian
makan dengan hasil tersebut atau bersedekah, maka itu
adalah lebih baik daripada dia pergi meminta-minta

¹⁴³ Yunus, 10: 67.

¹⁴⁴ Al- Jumu'ah, 62: 10.

kepada orang kaya sama ada diberi atau tidak. Yang demikian itu, kerana tangan yang memberi itu lebih baik daripada tangan yang menerima.¹⁴⁵

3.4 Kesimpulan

Seperti yang telah dijelaskan bahawa masyarakat Adat Perpatih memberi penekanan kepada aspek ekonomi dalam aktiviti harian mereka. Bagi masyarakat Adat Perpatih usaha dan kegigihan dalam mencari kekayaan adalah sesuatu yang wajar dilaksanakan oleh setiap individu. Bagi mereka kemantapan ekonomi seseorang dapat mengangkat dan menaikkan martabat diri dan keluarga. Perkara ini menjadi pemangkin kepada mereka dalam usaha mencari rezeki seharian. Bagaimanapun mereka tetap berpegang dan mengamalkan semangat muafakat dalam perkara ini.

Tegasnya, sebagai seorang Islam mereka dikawal oleh peraturan-peraturan agama agar tidak terkeluar daripada batasan-batasan hukum Allah dalam mencari kekayaan di dunia. Dengan kata lain, dalam merebut peluang-peluang kekayaan di dunia ini tidak bererti mereka meletakkan perkara keduniaan sebagai matlamat utama mereka. Oleh itu mereka menolak pandangan yang dikemukakan Chesler dan Cave:

¹⁴⁵ Al-Bukhari dari Zubir bin Awam.

We value the economic well being of the individual. The rich are considered successful, the poor are not. We do not judge people on the basis of how much they love or are loved by their family or friends, how much fun they have, how long they live, or whether they understand themselves and others. When we talk about success, we mean economic success.¹⁴⁶

Masyarakat Adat Perpatih sentiasa menerapkan nilai-nilai kesederhanaan dalam kehidupan mereka. Setiap aktiviti ekonomi Adat Perpatih dipayungi oleh hukum Allah. Oleh itu, masyarakat Adat Perpatih dapat hidup dengan harmoni dan sentiasa mengamalkan konsep tolong-menolong seperti yang digariskan dalam ungkapan adat:

Hati kuman sama dicecah

Hati gajah sama dilapah

Jika mendapat sama laba

Yang ada dimakan bersama¹⁴⁷

Tegasnya, adat yang terpakai sejak zaman-berzaman dalam masyarakat Adat Perpatih seperti yang tergambar dalam ungkapan di atas terus diamalkan hingga ke hari ini. Walaupun pada hari ini aktiviti pertanian seperti bersawah padi tidak lagi merupakan aktiviti ekonomi yang penting di daerah Jelebu, tetapi konsep merantau ke

¹⁴⁶ J. R. Eshleman & B.G. Cashion, hlm. 450.

¹⁴⁷ Temubual dengan Dato'Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

daerah orang mencari rezeki begitu jelas kesinambungannya. Para remaja di daerah Jelevu sebahagian besarnya berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mencari rezeki dan berkumpul kembali di daerah kelahiran mereka pada hari-hari tertentu, umpamanya pada hari raya. Ketika itu mereka menjalin semula perhubungan kekeluargaan dan persahabatan mereka seperti masa-masa yang lepas. Ini membuktikan bahawa walaupun mereka berada jauh dari kampung halaman tetapi hati mereka tetap di daerah tumpah darah mereka seperti kata-kata:

Setinggi terbang bangau

Balik juga ke kubangan

Senang benar hidup di rantau

Terkenang juga kampung halaman¹⁴⁸

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa semangat merantau, kerja kuat di kalangan remaja Adat Perpatih di daerah Jelevu masih kekal hingga ke hari ini. Perkara tersebut menjadi etika masyarakat Adat Perpatih dan sekali gus mendokong sistem ekonomi masyarakat tersebut. Dengan kata lain, Adat Perpatih yang diwarisi sejak zaman-berzaman bertahan dengan megahnya hingga sekarang walaupun melalui perubahan zaman.

¹⁴⁸ Ibid.

Bibliografi

Buku

- Abdullah Jumain Abu Samah. 1995. *Asal-Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Satu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berasaskan Strukturalisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Hassan Din. 1990. *Ke Arah Keimanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abul A'la Al-Maududi. 1983. *Pokok Pandangan Hidup Muslim (Terjemahan)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Mohd Saleh. 1998. *Pendidikan Islam: Dinamika Guru Jilid I*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Alan R. B. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albrecht, M. C. 1978. The Relationship of Literature and Society. Dalam Peter Davidson, Rolf Meyersolin and Edward Shils (ed.). *The Sociology, Literature Taste, Culture and Mass Communication*. Vol. 6. Cambridge: Chadwyck Healey.

- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: P.T. Gunung Agung.
- Eshleman, J. R. & Cashion, B. G. 1985. *Sociology (2nd. Edition)*. Boston: Little Brown and Co.
- Federico, R. C. 1979. *Sociology*. Philippines. Addison Wesley Publishing Co.
- Francois-Rene Daillie. 1990. *Alam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1984. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remadja Karya CV.
- HAMKA. 1984. *Islam dan Minangkabau* . Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hashim Awang. 1988. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Alatas ,Syed. 1972. *Siapa Yang Bersalah*. Singapura: Pustaka National.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1974. *Sastera Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Johns, A.H, Cultural Options and The Role of Tradision: Fecundation of a New Malay Poetry dlm. *Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu*: 93. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan , Belia dan Sukan..
- Kirkpatrick ,E..M. (Edited). *Chambers 20th Century Dictionary (New Edition)*.
- Mahathir bin Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Petaling Jaya: Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1980. Masyarakat, Kebudayaan dan Kesusasteraan dalam Ayob Yamin dan Hamzah Hamdani (png). *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1979. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham. 1975. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abul Quasem. 1975. *The Ethics of Al-Ghazali A Composite Ethics In Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad.
- Muhammad Al-Buraey. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Newbold, T.J. 1993. Dalam Norhalim Hj Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti .
- Nordin Selat. 1982. *Remungan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- R.H.A. Soenarjo S.H.. 1971. *Al-Quran dan Terjemahan*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/ Pentaftir Al-Quran.
- S. Takdir Aliasjhabana, 1971, *Puisi Lama*, Petaling Jaya: Zaman Baru.
- Senu Abdul Rahman , Ali Haji Ahmad, Rais Saniman, Abdullah Haji Ahmad, Raja Mohd Affandi, Taib Osman, Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang, Kahar Bador, Wan Ismail Wan Mahmud, Raja Azman Raja Ismail, Hamzah Alang, Omar Osman, Ali Abdullah, Buyong Adil. 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. 1991. Karya Sastera Sebagai Bahan Pengajaran dan Pendidikan dlm. *Sastera Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Soerjono Soekanto, SH. MA. 1988. *Memperkenalkan Sosiologi*. Edisi Baru. Jakarta: CV Rajawali.
- ZA'BA. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis, Latihan Ilmiah dan Kertas Kerja

- Abdul Samad Idris. 1984. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei 1984.
- Abdul Samad Idris 1996. Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya. Kertas Kerja Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan, 24 Julai.

- Azizah Kassim. 1969. Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. *Tesis M.A.* Universiti Malaya.
- Djafri Datuk Bandaro Lubuk Sati. 1990. Hukum Adat Minangkabau. Rapat Kerja Daerah Pengadilan Tinggi dan Para Ketua/Hakim Pengadilan Negeri Se Sumatera Barat, Padang pada 21-23 Nopember.
- Habibah Zainudin . 1978. Adat Perpatih; Pandangan Islam dan Masyarakat Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim bin Abdullah. 1977. Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Malaya.
- Nor Hasiah bt. Harun. 1990. Nilai Etika dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .
- Othman Haji Abu Bakar. 1977. Sejarah Jelevu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Ekonomi dan Politik, 1850-1900. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Fadzil. 1995. Budaya Sebagai Wahana Kebangkitan Bangsa. Kertas Kerja Seminar Mengenai Kebudayaan Kebangsaan . Hotel Princess, 12-13 Disember.
- Sidiq Fadzil. 1997. Fleksibiliti Adat Perpatih dalam Proses Islamisasi. Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih. Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan , 24-25.

Zainal Kling. 1984. Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan . Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .

Majalah / Akhbar / Ucapan

Azman Ismail. 1999. Kehebatan Karya Agung. *Mingguan Malaysia*, April: 28.

Berita Harian, 6 September, 1997.

Hanafi Dolah.1982. Institusi Perhambaan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisis dari Segi Teori Nilai dalam Malaysia dari Segi Sejarah . Kuala Lumpur:

Hashim Yaccob. 1993. Sastera Milik Kita Semua. *Dewan Sastera*, November.

Hassan Ahmad. 1997. Kebangkitan Melayu. *Dewan Budaya*. Bil. 7. Jilid 19. Julai.

Kamaruddin Hj. Kachar . Ucapan Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan pada 3-5 Mei 1984. Universiti Pertanian Malaysia.

Mahathir Mohamad . Ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ke-40. Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 5 September, 1997.


Persatuan Sejarah Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin, Feudal dalam Adat Perpatih, 12(8), 1974, hlm. 32-33.

Tun Abdul Razak bin Hussen. Ucapan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos, 1971.

Temu bual

1. Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad. 1998. Jelevu, 20 Mei.
2. Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf. 1998. Jelevu, 25 Mei.
3. Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman. 1998. Jelevu, 1 Jun.
4. Dato' Ombi Abdul Ghani bin Dato' Shamarudin. 1998. Jelevu, 20 Jun.
5. Dato' Chenchang Hj Othman bin Sirun. 1998. Jelevu, 25 Jun.
6. Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusuf. 1998. Jelevu, 28 Jun.
7. Hj. Muhammad bin Yassin. 1998. Seremban, 10 September.
8. Hj. Ariffin bin Omar. 1998. Seremban, 25 September.



// MU MEMIMPIN

يونيورسيتي كينغسان مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

TELEGRAM "UNIKEM" TEL: 03-8250001, 8250601, 8250701

TELEX UNIKEM MA 31496 FAX:

125

LAMPIRAN 1

Pejabat Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

UKM 1.8.8/207/3 Jld. IV
5 September 1998

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

Kebenaran Membuat Kajiidikan

Saudara *Abdul Razak bin Lidun (Matrik A 6854)* ialah seorang mahasiswa di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewasa ini beliau sedang membuat kajiidikan dalam bidang "*Etos Melayu Daripada Perspektif Adat Perpatih*." Untuk tujuan ini diharap dapat kiranya tuan/puan memberikan kerjasama serta nasihat yang diperlukan olehnya.

2 Di atas segala bantuan dan pertolongan pihak tuan/puan, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Prof. Madya Dr. Noriah Mohamed

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN 2**SENARAI TOKOH YANG DITEMUBUAL****1) Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shamarudin**

Beliau dilahirkan pada tahun 1932 di Jelevu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Menengah King George V (KGV) Seremban, Negeri Sembilan sehingga tamat Senior Cambridge. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura dalam Jurusan Perubatan (1954-58) tetapi tidak sempat menghabiskan pengajiannya. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Beliau banyak menghasilkan rencana-rencana terutamanya tentang budaya dan pada masa yang sama banyak menterjemahkan buku teks Sains bahasa Inggeris ke bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar sekolah menengah.

Dalam adat Jelevu, beliau kini memegang Jawatan Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Ombi.

2) Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman

Beliau dilahirkan di Jelevu, Negeri Sembilan. Tamat sekolah Melayu. Pernah bertugas sebagai anggota Polis Di-Raja Malaysia. Kini beliau memegang jawatan adat sebagai Dato' Raja Balang.

3) Dato' Chenchang Hj Othman bin Sarun

Beliau dilahirkan di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Seorang peniaga. Dalam adat beliau menjawat jawatan sebagai Dato' Chenchang Maharaja Lela.

4) Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusof

Beliau dilahirkan di daerah Jelevu. Persekolahan sehingga tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau memegang jawatan Dato' Lembaga bergelar Dato' Mengiang Merah Bangsa.

5) Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad

Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat Jelevu beliau memegang jawatan Buapak bergelar Dato' Megat.

6) Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusof

Dilahirkan pada tahun 1922 di Jelebu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau kini menjawat jawatan Buapak bergelar Dato' Beremban.


7) Ustaz Hj Ariffib bin Omar

Bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Agama dan Tamaddun Islam Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Kahirah, Mesir. Sering muncul di Radio Malaysia, Negeri Sembilan menyampaikan ceramah agama

8) Hj Muhammad Salleh bin Hj Yassin

Dilahirkan pada tahun 1943. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir Dan memperolehi ijazah BA dalam jurusan Syariah. Pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Agama Dan Tamaddun Islam di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Kerap menyampaikan ceramah agama melalui Radio Malaysia Negeri Sembilan. Selepas bersara dari Perkhidmatan Kerajaan kini beliau memberikan khidmatnya sebagai Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

LAMPIRAN 3



**HIRAKI KEPIMPINAN DALAM SISTEM POLITIK MASYARAKAT
MELAYU ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN**